

Allah” yang menjadi tempat tumpuan manusia dan tempat mencari perlindungan dan keamanan. Bertawaf mengelilinginya itu adalah menyerupai perbuatan malaikat yang mengerumuni Arasy, dan bertawaf mengelilinginya dengan khusyuk, serta tidak putus-putus pula mengucap tasbih. Dalam bertawaf juga, jiwa seseorang itu meningkat ke alam yang tinggi. Kesempatan yang kita dapati untuk masuk ke dalam “*Bayt Allāh*” atau berada di sisinya, adalah menjadi pendahuluan yang baik untuk berpeluang melihat Allah ‘*azza wa jalla* (di dalam mimpi) apabila jiwa kita hening suci, dan layak mendapat kebahagiaan yang tidak bertolak banding itu. Dalam mengkucup *al-Hajr al-Aswad* yang dilakukan oleh orang-orang Islam, adalah menjadi ibarat ikatan janji setia dengan *Allāh ‘azza wa jalla* atas tiap-tiap perkara yang benar, yang elok, yang berkebakikan lagi mulia.

Tidakkah *al-Hajr al-Aswad* – batu suci, sebagaimana yang tersebut di dalam hadis disifatkan ibarat:

“*Yamīnu Allāhi yuṣāfahu bihi khalqihī?*”

“Tangan kanan Allah, untuk berjabat dengan makhluk-Nya?”

Sebenarnya mengkucup batu (*Hajar al-Aswad*) yang tersebut memang itulah maksud yang diisyaratkannya – adalah menjadi penggalak yang kuat supaya seseorang Haji itu menyempurnakan janjinya yang telah diikatnya dengan Allah ‘*azza wa jalla*, dengan menjauhkan diri dari segala kejahatan, dan mencintai perkara-perkara baik lagi mulia, serta bersungguh-sungguh pula mengerjakan amal kebajikan.

Selain daripada itu, ibadah haji ini mengandungi tanda-tanda yang besar tentang kepercayaan yang bulat kepada Allah ‘*azza wa jalla* dan pembawa bantuan dan pertolongannya. Kita

dapati perempuan yang sedia lemah kerana tabiat semula jadinya, dan lelaki yang lemah kerana penyakitnya atau umurnya yang telah tua, sebaik-baik<sup>1</sup> sahaja berazam hendak menunaikan fardu haji itu, maka dengan serta merta akan terasa dirinya kuat dan bantuan-bantuan datang mencurah dari orang lain, dan perkara yang pada mulanya dipandang sukar, dapat dikerjakan dengan mudahnya. Sebabnya berlaku demikian, kerana dia tidak lagi terpedaya kepada kebolehan dirinya semata-mata, bahkan serentak dengan itu ia telah berserah bulat kepada Allah ‘*azza wa jalla*, dan dengan itu, dapatlah ia mencapai apa yang dikehendakinya.

Bersambung

---

## Di Meja Pengarang

“*Kembang Setaman*” demikian nama sebuah buku baharu “*Kumpulan Cerita-cerita Pendek Wanita*” yang telah dikumpul dan diusahakan oleh saudara Jimmy Asmara.

Buku ini ada satu keistimewaannya, iaitu 12 buah cerita pendek yang disajikan di dalamnya ialah dari buah pena 12 orang penulis-penulis wanita, dan penerbitnya seorang wanita juga.

Buku “*Kembang Setaman*” ini, yang menggambarkan masyarakat menurut kaca mata wanita dengan gaya yang menarik, adalah menjadi alamat yang baik bahawa pengarang-pengarang kita dari jenis yang lemah lembut itu akan mengambil tempat yang selayaknya dalam taman kesusasteraan Melayu.

Diterbitkan oleh saudari Aishah Ngah, atas nama “*Usaha Teratai*”, 2 F, Jalan Kuchai, Singapura, 14. Tebalnya 104 muka dan harganya \$1.00 senaskhah, tambah belanja mengirimmnya 10 sen.

Atas hadiahnya yang berharga ini diucapkan berbilang-banyak terima kasih.

---

<sup>1</sup> kesilapan ejaan dalam teks asal, dalam teks asal ditulis “seaik-aik”